

**Peruncit Patuh Harga Kawalan, KR1M Tetap Bermutu - Ismail Sabri  
Bernama  
19 September , 2011**

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berpuas hati kerana para peruncit dan pemborong mematuhi skim kawalan harga musim perayaan yang dikeluarkan oleh kerajaan sepanjang Aidilfitri baru-baru ini.

Beliau berkata walaupun selepas musim perayaan harga sudah tidak dikawal, namun ia masih dipantau agar tiada barang yang dinaikkan secara mendadak atau terlalu tinggi.

"Walaupun musim perayaan sudah berlalu, tidak banyak harga barang kawalan naik mendadak sepanjang dua minggu pemantauan yang dijalankan oleh KPDNKK dan hanya beberapa kes-kes terpencil telah pun diambil tindakan.

"Bagi harga ayam pula, harga sebelum dikawal pada musim perayaan adalah RM7.50 di mana-mana pun. Jadi semasa dikawal harganya ditetapkan kepada harga yang sama walaupun tidak memberi keuntungan kepada peniaga namun mereka tetap patuh kepada peraturan," katanya.

Beliau ditemui pemberita pada majlis Hari Raya Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di sini hari ini.

Sementara itu, Ismail berkata kementerianya akan sentiasa mengawal mutu barangan yang dijual di seluruh cawangan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) dengan mendapat laporan kawalan mutu daripada pembekal barangan KR1M iaitu Mydin.

"Setakat ini, pihak kementerian tidak mendapat sebarang aduan mengenai isu barangan yang dijual di KR1M tidak bermutu dan KPDNKK tidak akan berkompromi dengan mutu barangan yang dijual walaupun harga murah," katanya menjawab pertanyaan media.

Pada majlis itu, Ismail Sabri turut memberi sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim dari Rumah Raudhatul Al-Feez, Gombak.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=614422>